

PELAWAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **Bumiputera Daerah Sepang, Selangor sahaja** yang berdaftar dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU), Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang masih sah tempohnya dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan untuk mengemukakan sebut harga seperti berikut:

| No. Sebut Harga | Tajuk | Syarat Kelayakan | Tarikh Sebut Harga Dibuka | Tarikh Sebut Harga Ditutup |
|-----------------|--|--|-----------------------------------|---|
| 23/2019 | Perkhidmatan Penyelenggaraan Lanskap Di Bangunan Mercu MQA, Cyberjaya Bagi Tempoh Dua (2) Tahun Bermula Tahun 2020 | <p>(i) Kontraktor hendaklah mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB);</p> <p>(ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang sah dalam Gred G1:</p> <p>Kategori Bangunan (CE) dan Pengkhususan:</p> <p>CE14 – landskap di luar bangunan</p> <p>(iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang sah dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU).</p> | 11 November 2019 (Isnin) | 19 November 2019 (Selasa), Jam 12.00 tengah hari |

2. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal tempatan di negeri **Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah tempohnya bertaraf **Bumiputera atau Bukan Bumiputera (mengikut syarat kelayakan)** untuk mengemukakan sebut harga seperti berikut:

| No. Sebut Harga | Tajuk | Syarat Kelayakan | Tarikh Sebut Harga Dibuka | Tarikh Sebut Harga Ditutup |
|-----------------|---|--|---------------------------|---|
| 24/2019 | Perkhidmatan Pembersihan Bangunan Dan Pejabat Di Bangunan Mercu MQA, Cyberjaya Bagi Tempoh Dua (2) Tahun Bermula Tahun 2020 | Bertaraf Bumiputera dan Bukan Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan berdaftar dalam kod bidang 221001 – pembersihan bangunan dan pejabat | 11 November 2019 (Isnin) | 19 November 2019 (Selasa), Jam 12.00 tengah hari |
| 25/2019 | Perkhidmatan Penjaga Jentera Bo 11kV Di Bangunan Mercu MQA, Cyberjaya Bagi Tempoh Dua (2) Tahun Bermula Januari 2020 | Bertaraf Bumiputera dan Bukan Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan berdaftar dalam kod bidang 220503 – perkakas/sistem elektrik | 11 November 2019 (Isnin) | 19 November 2019 (Selasa), Jam 12.00 tengah hari |

3. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **Bumiputera dan Bukan Bumiputera Daerah Sepang, Hulu Langat, Kuala Langat dan Petaling, Selangor sahaja** yang berdaftar dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU), Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang masih sah tempohnya dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan untuk mengemukakan sebut harga seperti berikut:

| No. Sebut Harga | Tajuk | Syarat Kelayakan | Tarikh Sebut Harga Dibuka | Tarikh Sebut Harga Ditutup |
|-----------------|--|---|---------------------------|----------------------------|
| 26/2019 | Perkhidmatan Penyelenggaraan Secara Komprehensif Bagi Dua (2) Unit Lif Di Bangunan Mercu MQA, Cyberjaya Bagi | (i) Kontraktor hendaklah mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan | 11 November 2019 (Isnin) | 19 November 2019 (Selasa), |

| No. Sebut Harga | Tajuk | Syarat Kelayakan | Tarikh Sebut Harga Dibuka | Tarikh Sebut Harga Diturup |
|-----------------|--|---|---------------------------|---|
| | Tempoh Dua (2) Tahun Bermula Febuari 2020 | <p>Industri Pembinaan Malaysia (CIDB);</p> <p>(ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang sah dalam Gred G1 atau G2 atau G3:</p> <p>Kategori Bangunan (M) dan Pengkhususan:</p> <p>M03 – lif dan eskalator</p> | | Jam 12.00 tengah hari |
| 27/2019 | Perkhidmatan Penyelenggaraan Bagi Sistem Penyaman Udara Jenis Berpusat (Chiller) Di Bangunan Mercu MQA, Cyberjaya Bagi Tempoh Dua (2) Tahun Bermula Januari 2020 | <p>(i) Kontraktor hendaklah mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB);</p> <p>(ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang sah dalam Gred G1 atau G2:</p> <p>Kategori Bangunan (M) dan Pengkhususan:</p> <p>M01 – sistem hawa dingin dan pengedaran udara</p> | 11 November 2019 (Isnin) | 19 November 2019 (Selasa), Jam 12.00 tengah hari |

4. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **Bumiputera Daerah Sepang, Hulu Langat, Kuala Langat dan Petaling, Selangor sahaja** yang berdaftar dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU), Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang masih sah tempohnya dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan untuk mengemukakan sebut harga seperti berikut:

| No. Sebut Harga | Tajuk | Syarat Kelayakan | Tarikh Sebut Harga Dibuka | Tarikh Sebut Harga Ditutup |
|-----------------|--|---|---------------------------|---|
| 28/2019 | Perkhidmatan Penyelenggaraan Bagi Sistem Pencegahan Kebakaran Di Bangunan Mercu MQA, Cyberjaya Bagi Tempoh Dua (2) Tahun Bermula Februari 2020 | <p>(i) Kontraktor hendaklah mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB);</p> <p>(ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang sah dalam Gred G1:</p> <p>Kategori Bangunan (M) dan Pengkhususan:</p> <p>M02 – sistem pencegahan dan perlindungan kebakaran</p> <p>(iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang sah dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU).</p> | 11 November 2019 (Isnin) | 19 November 2019 (Selasa), Jam 12.00 tengah hari |

5. Pembekal yang berminat untuk menyertai sebut harga ini **wajib** untuk menghadiri **taklimat sebut harga** ini.

6. Taklimat sebut harga akan diadakan pada:

Tarikh : 7 November 2019 (Khamis)
Masa : 9.30 pagi
Tempat : Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
Auditorium Aras 5, Mercu MQA
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5
63000 Cyberjaya
Selangor

7. **Mohon bawa bersama borang Senarai Semak Pelawaan Sebut Harga yang telah dilengkapkan semasa hadir taklimat.** Senarai Semak Pelawaan Sebut Harga ini boleh dicetak menerusi portal MQA www.mqa.gov.my

8. **Dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada wakil syarikat yang sah sahaja.** Untuk maksud ini, **wakil syarikat dikehendaki membawa**

perakuan/sijil asal dan satu salinan yang masih dalam tempoh sah laku semasa hadir taklimat seperti yang disenaraikan di bawah:

| No. Sebut Harga | Tajuk | Sijil-sijil |
|-----------------|---|--|
| 23/2019 | Perkhidmatan Penyelenggaraan Lanskap Di Bangunan Mercu MQA, Cyberjaya Bagi Tempoh Dua (2) Tahun Bermula Tahun 2020 | <ul style="list-style-type: none"> (i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB); (ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) (jika berkenaan); (iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) (jika berkenaan); (iv) Perakuan Pendaftaran Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan (v) profail syarikat. |
| 24/2019 | Perkhidmatan Pembersihan Bangunan Dan Pejabat Di Bangunan Mercu MQA, Cyberjaya Bagi Tempoh Dua (2) Tahun Bermula Tahun 2020 | <ul style="list-style-type: none"> (i) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia; (ii) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia (jika syarat memerlukan pembekal bertaraf Bumiputera); (iii) Perakuan Pendaftaran Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan (iv) profail syarikat. |
| 25/2019 | Perkhidmatan Penjaga Jentera Bo 11kV Di Bangunan Mercu MQA, Cyberjaya Bagi Tempoh Dua (2) Tahun Bermula Januari 2020 | <ul style="list-style-type: none"> (i) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia; (ii) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia (jika syarat |

| No. Sebut Harga | Tajuk | Sijil-sijil |
|-----------------|--|--|
| | | <p>memerlukan pembekal bertaraf Bumiputera);</p> <p>(iii) Perakuan Pendaftaran Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan</p> <p>(iv) profail syarikat.</p> |
| 26/2019 | Perkhidmatan Penyelenggaraan Secara Komprehensif Bagi Dua (2) Unit Lif Di Bangunan Mercu MQA, Cyberjaya Bagi Tempoh Dua (2) Tahun Bermula Febuari 2020 | <p>(i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB);</p> <p>(ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK);</p> <p>(iii) Perakuan Pendaftaran Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan</p> <p>(iv) profail syarikat.</p> |
| 27/2019 | Perkhidmatan Penyelenggaraan Bagi Sistem Penyaman Udara Jenis Berpusat (Chiller) Di Bangunan Mercu MQA, Cyberjaya Bagi Tempoh Dua (2) Tahun Bermula Januari 2020 | <p>(i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB);</p> <p>(ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK);</p> <p>(iii) Perakuan Pendaftaran Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan</p> <p>(iv) profail syarikat.</p> |
| 28/2019 | Perkhidmatan Penyelenggaraan Bagi Sistem Pencegahan Kebakaran Di Bangunan Mercu MQA, Cyberjaya Bagi Tempoh Dua (2) Tahun Bermula Februari 2020 | <p>(i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB);</p> <p>(ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK);</p> <p>(iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) (jika berkenaan);</p> |

| No. Sebut Harga | Tajuk | Sijil-sijil |
|-----------------|-------|---|
| | | (iv) Perakuan Pendaftaran Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan (v) profail syarikat. |

9. Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dituliskan di bahagian atas sebelah kiri sampul surat berkenaan tajuk sebut harga dan nombor sebut harga. Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang disediakan:

Tarikh : 19 November 2019 (Selasa)
Masa : sebelum 12.00 tengah hari
Tempat : Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
Lobi, Mercu MQA
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5
63000 Cyberjaya
Selangor

10. Tawaran sebut harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup pelawaan tidak akan dipertimbangkan.

11. **Pembekal dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butiran dokumen sebut harga** sebelum mengemukakan tawaran dan menjadi tanggungjawab pembekal untuk mendapatkan penjelasan daripada pihak MQA.

12. Pegawai MQA atau ahli keluarga atau saudara terdekat mereka adalah dilarang daripada menyertai sebut harga ini. Pembekal yang menyertai tawaran ini hendaklah memastikan tidak mempunyai kepentingan atau pertalian keluarga terdekat dengan pegawai MQA.

13. Keputusan sebut harga adalah MUKTAMAD dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.

14. Sekiranya pihak tuan tidak menerima sebarang maklum balas daripada pihak MQA dalam tempoh 45 hari dari tarikh tawaran ini ditutup, permohonan tuan dianggap tidak berjaya.